

PUCUNG SERIAP
Grey Heron

FAMILI : Ardeidae
NAMA SAINTIFIK: *Ardea cinerea*



CIRI-CIRI

Bahagian atas badan berwarna kelabu manakala kepala dan leher berwarna putih dengan garisan hitam yang begitu jelas di sepanjang hadapan lehernya. Bahagian atas kepalanya berwarna hitam dengan dua helai bulu hitam yang mengunjur ke belakang. Paruhnya berwarna kuning dengan bulu penerbangan berwarna hitam. Individu juvenil pula mempunyai warna yang lebih pudar berbanding individu dewasa.

Saiz

Panjang keseluruhan badan boleh mencapai sehingga 94.0 sm.

MAKANAN

Ikan, amfibia, ketam, invertebrata, mamalia kecil dan anak burung.

HABITAT

Kawasan tanah bencah termasuklah kawasan sawah padi, kolam, tasik, sungai dan hutan bakau sehingga ke ketinggian 1,000 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini akan mengeluarkan bunyi *krahnk* yang kuat dan kasar terutamanya sewaktu penerbangan.

PEMBIAKAN

Sepanjang tahun dan kebiasaannya ia membiak secara berkeloni. Sarangnya yang besar dibina di atas pokok. Individu betina boleh menghasilkan antara 3-5 biji telur yang berwarna biru kehijauan.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.